

BAB 6

PERANAN DALAM
ASPEK EKONOMI

BAB 6 PERANAN DALAM ASPEK EKONOMI

6.1 Latar Belakang Ekonomi

Kedatangan masyarakat Melayu Patani ke Terengganu khususnya dan seluruh rantau Kepulauan Melayu amnya begitu meluas semenjak berabad lamanya. Pelbagai faktor yang mendorong pergerakan ini termasuklah kegiatan dakwah dan penyebaran ilmu Islam, merantau serta berdagang. Peranan yang dimainkan pada peringkat daerah malah serantau juga amat berkesan. Kegiatan perdagangan yang dirintis terutama dengan peranan pelabuhan Patani dan Kuala Terengganu sendiri di samping ketokohan dan kemahiran pelaut serta pedagang Melayu Patani secara tidak langsung mencorakkan hala tuju dan perkembangan ekonomi kelautan, khususnya di pesisir perairan Patani hingga ke Terengganu sendiri.¹ Kegiatan perdagangan bukan hanya berkisar kepada aktiviti maritim seperti nelayan dan pembinaan bot, malah merangkumi penghasilan bermutu daripada fabrik (kain sulaman), kayu dan besi, seperti senjata keris, pedang.² Semenjak abad ke-13, rekod berkenaan perdagangan tekstil di sekitar Terengganu, Kelantan dan Langkasuka pernah dicatat oleh pedagang China yang bernama Chao Ju-kua.

¹ Shahril Talib, *After Its Own Image : The Terengganu Experience 1881 – 1941*, Oxford University Press, Singapore, 1984, hlm. 50 - 51.

² Clifford, H., A Journey through the Malay States of Trengganu and Kelantan, *The Geographical Journal*, IX, i (1898), hlm. 30.

Pada ketika itu Terengganu disebut sebagai Ting-Chia-Lu.³ Kedatangan para pendakwah Arab ke Asia Tenggara bukan sahaja menyebarkan agama Islam, malah turut meninggalkan ilmu tenunan. Antara pusat tenunan Islam utama pada peringkat awalnya ialah bermula dengan jahuran dari Champa, Patani, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sulawesi, Riau, Sumatera dan berakhir di Aceh. Produk yang dihasilkan melalui tenunan ini merangsangkan kegiatan ekonomi, khususnya di Patani, Terengganu, Kelantan dan Sumatera. Peter Floris mencatatkan bahawa pelabuhan Singora di Patani pernah menjadi pengimpor utama sutera untuk kegunaan perusahaan kain.⁴ Pada awal abad ke-19, pusat-pusat tenunan seperti Terengganu, Sumatra dan Celebes mula terkenal sebagai pengeksport utama kain sarung.⁵ Kaum wanita memainkan peranan utama sebagai penenun dan penyulam kain khususnya di Kuala Terengganu. Malah kaum wanita juga di dapati mendominasi suasana urusan jual beli di pasar Kuala Terengganu.⁶

³ Wheatley, Paul, *The Golden Khersonese*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 80.

⁴ Moreland, W.H., ed., *Peter Floris: His Voyage to the East Indies in the Globe, 1611-1615*, Hakluyt Society, 1967, hlm. 73.

⁵ Moor, J.H., *Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries*, Frank Cass, London, 1968, hlm. 72.

⁶ Malcom, H., *Travels in South-Eastern Asia, embracing Hindustan, Malaya, Siam and China*, II, Boston, 1839, hlm. 109.

6.2 Perkembangan Ekonomi Masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu.


Fakta berkenaan peranan masyarakat Melayu Patani dalam bidang ekonomi pada peringkat awal di Kuala Terengganu adalah terhad. Bentuk perdagangan yang dominan pada awalnya adalah melalui pengangkutan laut. Oleh sebab itu, sumber berkaitan ekonomi adalah berkisar kepada beberapa temubual di kalangan keturunan Wan dan juga angka yang dikeluarkan oleh pihak penjajah dan pedagang. Semenjak dahulu hingga awal abad ke-20, masyarakat Patani amat dominan dalam perniagaan kain, garam dan lembu dan berulang alik melalui kapal dari pelabuhan Patani ke Kuala Terengganu. Salah seorang tokoh pedagang lembu dan garam yang terkenal di Kuala Terengganu pada suatu ketika dahulu ialah Haji Wan Endut (Kampung Hiliran)⁷. Selain daripada seorang yang alim, beliau adalah nakhoda kapal yang cekap dan berpengalaman. Malah beliau mempunyai sebuah kapal sendiri. Haji Wan Endut adalah anak Wan Yunus Hiliran yang terkenal sebagai seorang yang alim dan dianggap *keramat*. Isterinya Tok Wan Ngah Losong adalah seorang yang kaya dan terkenal di Losong. Menurut cerita Haji Wan Abdullah, kapal yang dipandu oleh Haji Wan Endut pernah karam di perairan antara negeri Siam dan Terengganu. Namun dengan berkat pertolongan Allah, beliau tidak mati lemas malah dikatakan boleh berjalan di dalam air dengan kedudukan air laut sejengkal dari bawah hidungnya. Pada ketika inilah seekor *ikan kekacang* membantu membawanya hingga ke Besuki, Indonesia. Sesampai sahaja di sana, beliau telah dilantik oleh sultan

sebagai guru agama di masjid. Masjid di mana beliau mengajar agama itu dinamakan Masjid Terengganu di Besuki dan masih kekal sehingga hari ini. Haji Wan Endut turut berkahwin dengan anak watan di sana dan mengembangkan jurai generasinya di Besuki.

Aktiviti perniagaan Haji Wan Endut turut disusuli oleh anaknya yang bernama Haji Wan Abdul Latif al-Hafiz. Beliau turut mempunyai sebuah kapal dagang dan sering berulang alik antara Patani dan Kuala Terengganu. Haji Wan Abdul Latif juga mengambil upah dan menjual naskhah al-Quran tulisan tangannya sendiri.

Selain daripada itu, Wan Nik Gudang (Wan Nik binti Wan Yaakub) adalah seorang peniaga kain dan batik yang terkenal di Chabang Tiga, Losong. Beliau lebih dikenali sebagai Wan Nik Gudang kerana pada masa itu beliau adalah orang pertama yang membuka dan mempunyai gudang di Chabang Tiga. Malah pada hari ini beliau telah sudi mendermakan sejumlah RM 400 000 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Ribu) untuk pembinaan masjid di Kampung Losong. (lihat gambar 6.1)

⁷ Lihat *Salasilah D (Lampiran C)*; Temubual dengan Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Muda pada 5 Disember 1997 di Losong Haji Long, Kuala Terengganu.



Gambar 6.1 : Masjid Losong Dato' Amar yang dibina hasil sumbangan Wan Hitam.



Gambar 6.2 : Rumah Imam masjid juga turut dibina.

6.2.1 Pekerjaan

JADUAL 6(a) : JENIS PEKERJAAN MASYARAKAT MELAYU

PATANI DI KUALA TERENGGANU

Jenis Pekerjaan	Persatuan Muhajirin Patani (Baru)				Masy. Melayu Patani Generasi Lama				Jumlah Keseluruhan			
	Suami		Isteri		Suami		Isteri		Suami		Isteri	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1. Pensyarah Agama	5	16.7			7	7.8			12	10.0		
2. Guru Agama	5	16.7			16	17.8	8	9.0	21	17.5	8	6.7
3. Guru Biasa					15	16.7	12	13.3	15	12.5	12	10.0
4. Pegawai Perubatan			1	3.3							1	0.8
5. Akauntan					3	3.3			3	2.5		
6. Peguam					3	3.3			3	2.5		
7. Pentadbir					12	13.3	2	2.2	12	10.0	2	1.7
8. Kontraktor					6	6.7	4	4.4	6	5.0	4	3.3
9. Kerani					5	5.6	6	6.6	5	4.1	6	5.0
10. Pegawai Agama					2	2.2			2	1.7		
11. Berniaga					13	14.4	8	9.0	13	10.8	8	6.7
a. Restoran	2	6.7							2	1.7		
b. Pasar Malam	16	53.3	3	10					16	13.3	3	2.5
c. Kedai Runcit	2	6.6							2	1.7		
12. Surirumah			26	86.7			50	55.5			76	63.3
13. Pesara					8	8.9			8	6.7		
Jumlah	30	100	30	100	90	100	90	100	120	100	120	100

Sumber : Borang Kaji Selidik

Petunjuk : Bil – Bilangan; % - Peratus

Jadual 6(a) menunjukkan dengan jelas corak dan perbezaan jenis pekerjaan antara masyarakat Melayu Patani generasi lama dengan yang baru. Berdasarkan jadual tersebut didapati bahawa masyarakat Melayu Patani yang telah lama menetap di sini terlibat dalam pelbagai jenis pekerjaan berbanding dengan mereka yang baru menetap di sini dengan beberapa jenis bentuk pekerjaan sahaja, iaitu dengan nisbah 2:1 (Suami).

Corak pendapatan tunggal dan gandaan agak ketara perbezaannya bilamana hanya 13.3 % sahaja daripada kalangan isteri kelompok masyarakat Melayu Patani generasi baru terlibat dengan pekerjaan membantu ekonomi keluarga dan 86.7 % pula adalah suri rumah tangga sepenuhnya berbanding dengan pihak isteri kelompok masyarakat Melayu Patani generasi lama yang lebih ramai berkecimpung dan bersaing di medan pekerjaan yang setaraf ataupun yang lebih rendah. Kajian menunjukkan bahawa sejumlah 44.5 % daripada kalangan isteri MPGL terlibat dengan pelbagai jenis pekerjaan (pendapatan gandaan), manakala sebanyak 55.5 % adalah sebagai surirumah sepenuh masa. Walaupun demikian, terdapat sebilangan isteri yang sepenuh masa sebagai surirumah juga berperanan mengajar dan menganjurkan kelas Tajwid dan al-Quran secara tidak formal dan sambilan di rumah sendiri kepada anak-anak mereka dan juga jiran dengan niat yang ikhlas tanpa meminta bayaran. Para isteri yang terlibat dengan pengajaran kelas al-Quran tersebut kebanyakannya pernah mendapat pendidikan agama sehingga ke

peringkat Thanawi di sekolah agama dan pondok sekitar Kuala Terengganu termasuklah di Bukit Bayas dan Losong Haji Mat Shafie.⁸

Selain daripada itu, didapati bahawa pihak suami pula sememangnya berperanan sebagai pencari nafkah utama bagi kedua-dua generasi lama dan baru ini, namun peranan yang dipikul secara bersama oleh para isteri menggambarkan bahawa perubahan yang berlaku secara tidak langsung juga dipengaruhi oleh peningkatan taraf dan kos hidup, khususnya di bandar.

Kaji selidik juga memperlihatkan bahawa pekerjaan yang dominan di kalangan MPGL ialah dalam bidang pendidikan khususnya guru agama. Fenomena ini membayangkan peranan pendidikan Islam yang cukup besar kesannya terhadap proses kehidupan yang terlangsung dari zaman kegemilangan ulama hingga ke hari ini. Corak pendidikan berasaskan pondok tidak lagi menonjol dan ianya dibawa oleh arus perubahan ke arah sistem pendidikan moden seperti di sekolah.

Manakala pola pekerjaan bagi masyarakat MPGB pula dapat dibahagikan kepada dua tahap iaitu pola pekerjaan bagi generasi penghijrah awal tahun 1980-an dan penghijrah baru antara dua hingga lapan tahun. Para penghijrah pada awal tahun 1980-an didapati hampir mencapai sebahagian proses asimilasi dan keseimbangan ekonomi. Kedudukan pola pekerjaan mereka agak stabil seperti menjawat jawatan pensyarah di Kolej Sultan Zainal Abidin(KUSZA) dan Maahad Tahfiz Kuala Terengganu serta membuka restoran yang makin berkembang. Namun pada peringkat

* Temuramah bersama Tuan Haji Wan Kamal bin Wan Nik pada 30 Disember 1997 di Losong Haji Long, Kuala Terengganu.

penghijrah baru pula, didapati kebanyakannya terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan khususnya bermiaga makanan dan barang keperluan harian di pasar malam. Malah ada di antara kelompok baru ini yang bekerja sebagai penoreh getah di ladang.

Sementara itu, masyarakat MPGB yang membuka restoran di Kuala Terengganu juga turut mengambil pekerja dari Patani di samping pekerja tempatan. Pengambilan pekerja ini selalunya melalui hubungan saudara dan motif utama adalah untuk membantu ekonomi masyarakat Melayu Patani sendiri.

Beberapa faktor tertentu yang mempengaruhi pola sedemikian termasuklah faktor jangka masa bermastautin di Kuala Terengganu, penyesuaian dan proses asimilasi yang berlaku. Masyarakat MPGB keseluruhannya melalui suatu jangka masa penghijrahan dan penempatan yang baru sekitar 10 - 15 tahun. Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi corak pekerjaan di tempat yang baru serta sejauhmana mereka dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berbeza daripada tempat asal mereka sendiri di Patani. Sebenarnya latar belakang pendidikan yang ada pada MPGB tidak mencerminkan kedudukan status pekerjaan apabila berhijrah ke tempat baru. Umpamanya, ada sebilangan daripada mereka yang memegang ijazah namun bekerja sebagai peniaga ataupun membuka restoran. Walaubagaimanapun, pola sebegini hanya mewakili sebilangan yang tertentu sahaja terutamanya bagi mereka yang datang dalam jangka waktu kurang daripada 8 tahun. Penghijrahan ke tempat baru juga diiringi oleh beberapa

masalah tertentu seperti ketiadaan kad pengenalan diri, dianggap sebagai pendatang(orang asing) dan sebagainya. Oleh itu, dalam keadaan tersebut mereka sanggup melakukan apa sahaja pekerjaan yang boleh mendatangkan rezeki yang halal untuk menampung sara hidup diri dan keluarga. Malah terdapat segelintir daripada mereka yang pernah berniaga kecil-kecilan di kaki lima, berjalan kaki mengelilingi bandar dan kampung untuk menjual barang dan seumpamanya. Di samping itu, kesulitan tersebut bertambah sukar lagi dengan masalah pernah dihalau oleh penyewa rumah kerana tidak mampu membayar sewa. Pendek kata, pengalaman hidup berpindah randah dalam satu kawasan bandar dan pinggir bandar Kuala Terengganu menjadikan mereka sebagai kelompok yang berhati cekal, lasak dan mampu meneruskan kehidupan tanpa memohon bantuan orang lain. Malah fenomena sedemikian boleh diistilahkan sebagai peringkat permulaan kehidupan yang dilingkari oleh *ketidakstabilan ekonomi keluarga*.

Oleh kerana itu, dapat dirumuskan bahawa kedatangan mereka(MPGB) pada peringkat awalnya melalui proses penyesuaian yang agak sukar sedikit berbanding dengan mereka yang telah lama bermastautin di sini iaitu sekitar 10 – 15 tahun yang lalu. Setelah 10 hingga 15 tahun menetap di Kuala Terengganu, mereka mula dapat menyesuaikan diri dan kedudukan pekerjaan dan kewangan mulai kukuh. Dalam pada itu, sebahagian MPGB ini yang berlatarbelakangkan pendidikan tinggi terutama dari Timur Tengah mula diberikan tempat di kalangan masyarakat dan peluang pekerjaan yang sesuai dengan menjadi tenaga akademik di Sekolah

Menengah Agama, Ma'ahad Tahfiz, Kolej Sultan Zainal Abidin(KUSZA) dan lain-lain di sekitar bandar Kuala Terengganu. Malah kadangkala mereka pernah dijemput mengisi kekosongan tempat pekerjaan yang ada.⁹

Sementara itu, MPGL pula dengan kehidupan yang keseluruhannya berpaksi sebagai anak watan Terengganu sendiri memperlihatkan unjuran jenis pekerjaan yang hampir serata dan menyeluruh. Unjuran tersebut meliputi bidang pekerjaan dari peringkat rendah hingga ke peringkat penyertaan dalam bidang politik dan pentadbiran. Kadar penglibatan dalam bidang perniagaan pula menunjukkan sebanyak 14.4 %. Antara jenis pekerjaan yang diceburi oleh MPGL termasuklah perniagaan butik batik, menjual kereta motor, restoran, runcit dan sebagainya. Jadual 6(b) menunjukkan beberapa senarai terpilih ahli perniagaan dari keturunan Wan yang berdaftar dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (Cawangan Terengganu).

⁹ Pada peringkat awal penuhan KUSZA, beberapa orang MPGB pernah ditawarkan untuk mengisi jawatan sebagai tenaga pensyarah di Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu. Hasil temuramah bersama Ustaz Abdul Rahman bin Ahmad di KUSZA pada 24 Jun 1997.

**JADUAL 6(b) : SENARAI TERPILIH AHLI DEWAN
PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA (CAWANGAN
TERENGGANU) BERKETURUNAN WAN.**

BIL.	Nama dan Syarikat	Jenis Perniagaan
1.	Wan Mohd Azmi bin Wan Mohd Noor Pengurus Operasi Kumpulan Embongnik Sdn Bhd. 1049-1, Wisma Ladang Jalan Sultan Sulaiman 20000 Kuala Terengganu.	Kontraktor, Petroleum, Hartanah, Aluminium, Pembekal Tenaga Sumber Manusia.
2.	Wan Mohd Fauzi bin Wan Mohd Noor Pengarah N.D Properties Sdn Bhd. 3973, Aras Satu, Jalan Sultan Sulaiman 20000 Kuala Terengganu.	Pemaju Perumahan
3.	Wan Mohd Ariffin bin Wan Long Pengarah Noor Arfa Batik Sdn Bhd Lot 1048K, Kawasan Perindustrian Cendering 21080 Kuala Terengganu.	Pengeluar Batik Terkemuka
4.	Wan Abdullah Mohamad Pengarah Urusan STR Sdn Bhd. No. 100, Taman Purnama, Kuala Ibai 20400 Kuala Terengganu	Pengeluar Batik
5.	Haji Wan Mahyuddin Pengarah Urusan Sumai Engineering Sdn Bhd. Lot 903K, Kawasan Perindustrian Cendering 21080 Kuala Terengganu	Marin, Engineer
6.	Wan Mustaffa bin Haji Wan Othman Pengurus Syarikat Haji Wan Othman Mohamad 1060, Ladang Sekolah 20000 Kuala Terengganu.	Pengeluar Batik
7.	Wan Juliana binti Wan Ismail Pengurus Pentadbiran Syarikat Percetakan yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd. Lot 8K 53, Kawasan Perindustrian Gong Badak 21300 Kuala Terengganu.	Percetakan Am

8.	Wan Zaidi bin Wan Ali Pengurus Syarikat Timur Supplies 447-K, Jalan Kamaruddin 20400 Kuala Terengganu.	Pembekal Alatan Pejabat dan Alatulis
9.	Wan Burhanuddin bin Wan Hassan Pengarah W & W Architects No.7, Tingkat 1, Wisma Armon Jalan Kamaruddin 20400 Kuala Terengganu.	Arkitek
10.	Wan Manan bin Wan Ali Pengurus 134-B, Tingkat 2, Jalan Sultan Zainal Abidin 20000 Kuala Terengganu.	Perunding Kejuruteraan, Pembinaan dan Pengurusan.
11.	Wan Mohd AlBakri bin Wan Mohd Noor Pengarah Urusan Albakri & Associates No. 60/14, Tingkat 1, Taman Sri Intan Jalan Sultan Omar 20300 Kuala Terengganu.	Akauntan, Setiausaha dan Perunding Pengurusan
12.	Wan Mohd Nor bin Wan Ahmad Pengurus PT 1097K, Kawasan Perindustrian Cendering 21080 Kuala Terengganu	Pembekal Bahan Binaan dan Industri
13.	Wan Razali bin Wan Abdullah Pengurus C-3, Tingkat 3, Bangunan Arked MARA Jalan Sultan Zainal Abidin 20000 Kuala Terengganu.	Kontraktor binaan
14.	Wan Gidi Sairee bin Wan Abdillah Pengurus WGS Engineering & Construction No. 2244, Taman Seri Beruas 20050 Kuala Terengganu	Fabrikasi Jentera, Marin dan Elektra.
15.	Wan Mohd Nor bin Wan Nawang Pengurus ZANIZA Trading 14019-P, Batu 10, Jalan Kelantan, Tepoh 21060 Kuala Terengganu.	Makanan

Sumber: Disesuaikan daripada senarai ahli Dewan Perniagaan Melayu
Malaysia Cawangan Terengganu.

Haji Wan Mohd Albakri bin Wan Md. Noor adalah contoh ahli perniagaan yang berjaya dari kalangan kelompok keturunan Wan di Kuala Terengganu (lihat gambar 6.3).



Gambar 6.3 : Haji Wan Mohd. Albakri bin Wan Md. Noor

Encik Wan Mohd. Albakri bin Wan Md. Nor dilahirkan di Kg. Tanjung, Kuala Terengganu pada 30 Mei 1952. Keluarganya berasal dari Kg. Losong Haji Long. Malah nama kampung tersebut adalah bersempena nama datuknya yang terkenal sebagai Haji Wan Long Hakim. Encik Wan Mohd Albakri mempunyai lapan orang adik beradik iaitu enam lelaki dan 2 perempuan. Antara adik beradiknya ialah Haji Wan Adnan @ Arifin, Dato' Haji Wan Mukhtar, Haji Wan Mustaffa, Wan Nurulashikin, Wan Dah Nurulaini, Wan Azmi dan Wan Fauzi. Berdasarkan kepada turutan salasilah keluarga Wan di Losong, didapati bahawa beliau adalah berketurunan Haji

Wan Abdul Latif al-Hafiz Losong (seorang alim yang amat terkenal – lihat salasilah ringkas di halaman akhir).

Pada ketika usianya masih kecil, datuknya bertugas sebagai Hakim di Kuala Terengganu. Walaupun demikian, Haji Wan Long bersama keluarganya telah berpindah ke Kg. Tanjung disebabkan urusan pentadbiran mahkamah yang berpusat di tengah bandar.

Selepas itu beliau dibesarkan di Kg. Tanjung sehingga berumur enam tahun. Semasa berada di Kg. Tanjung, beliau seringkali terdedah dengan perkembangan politik setempat kerana bapanya seorang aktivis parti UMNO (United Malays National Organisation) yang pernah terlibat sebagai salah seorang yang bertanggungjawab mengasaskan UMNO di Terengganu pada tahun 1946. Sikap kepimpinan beliau mulai terserlah semenjak kecil apabila gemar menolong para peniaga India menjual kain di pasar Tanjung apabila tiba musim cuti persekolahan.

Menurut Encik Wan Mohd Albakri, pembawaan sikap dan peribadinya adalah hampir sama dengan bapanya. Kesedaran politik dan perjuangan bangsa begitu ketara dalam dirinya. Oleh kerana itu, tidak hairanlah sehingga ke hari ini beliau terus melangsungkan agenda perjuangan UMNO yang pernah dirintis oleh bapanya.

Setelah Dato' Onn Jaafar menuahkan Parti Negara, bapanya yang setia bersama pimpinan Dato' Onn telah ditukarkan ke Dungun pada tahun 1958. Oleh yang demikian, hal tersebut telah menyebabkan Wan Mohd

Albakri memulakan sesi persekolahan di peringkat rendah di Sekolah Rendah Inggeris, Dungun dari tahun 1959 hingga 1964.

Manakala pada tahun 1965, beliau telah melanjutkan pelajarannya di Maktab Melayu Kuala Kangsar sehingga tahun 1969 dengan memperolehi keputusan cemerlang Gred 1 dalam peperiksaan MCE. Pada mulanya beliau bercita-cita untuk menjadi seorang Pegawai Daerah (District Officer), walaubagaimanapun setelah diambil kira perbincangan dan pandangan guru-gurunya di maktab tersebut bahawa bidang perakaunan mempunyai prospek yang amat cerah, maka beliau mengambil keputusan untuk meneruskan pengajian di Institut Teknologi Mara, Shah Alam dalam bidang Perakaunan pada tahun 1970.

Sewaktu belajar di ITM, beliau seringkali mendapat keputusan cemerlang dan tidak pernah gagal dalam peperiksaan, malah pernah mendapat tempat ketiga dalam peperiksaan yang berkaitan (CIMA, UK) di peringkat dunia. Antara ahli korporat yang pernah belajar bersamanya di ITM adalah Datuk Seri Salleh Sulong (Pengurus PROTON-DRB).

Setelah tamat belajar ketika usia 21 tahun, beliau seterusnya diterima berkhidmat sebagai Akauntan Kos di Motorola Malaysia Sdn. Bhd. dari tahun 1973 hingga 1974. Namun demikian, kemudiannya beliau bekerja pula sebagai Juruanalisa Kewangan, Esso Malaysia Sdn. Bhd. (1974 – 1975); Akauntan / Setiausaha, United Manufacturers Sdn. Bhd. (1975 – 1977); Pakarunding Pengurusan, HRM Sdn. Bhd. (1977 – 1979) ; Pengawal Kewangan Kumpulan / Setiausaha Syarikat Kumpulan Kojasa Holdings

Berhad, Sabah (1979 – 1982) dan akhirnya menubuhkan syarikat sendiri iaitu Albakri & Associates Sdn. Bhd. (1982 hingga sekarang) di No. 14, Taman Seri Intan, Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Sabariah bt. Mohd Dom yang berasal dari Batu Pahat, Johor. Detik pertemuan awal dengan isterinya ialah sewaktu mereka bekerja bersama di Syarikat Esso Malaysia Berhad di Kuala Lumpur. Berkat kasih sayang yang dipupuk selama ini, mereka telah dikurniakan dua orang cahayamata yang diberi nama Wan Nor Suraya dan Wan Nor Darina.

Isterinya telah dipertanggungjawabkan sebagai Pengurus, Syarikat Kay Marine (syarikat pembuat kapal) di Kuala Terengganu, manakala anaknya Wan Nor Suraya sedang menuntut di Universiti Teknologi Malaysia, Sekudai dan Wan Nor Darina pula masih berada di Tingkatan Empat.

Selain menguruskan syarikat sendiri, beliau juga mempunyai beberapa buah syarikat lain yang dikongsi bersama dengan rakannya, iaitu sebagai Pengarah di Kay Marine Sdn. Bhd. dan Permata Sentosa. Kay Marine Sdn. Bhd merupakan syarikat pembinaan kapal pertama di Malaysia yang dimiliki oleh Bumiputra sepenuhnya. Semenjak tahun 1984 lagi syarikat tersebut telah mula menerima tempahan yang agak memberangsangkan iaitu membina 25 unit bot dan 5 unit bot pada tahun 1986 yang bernilai RM 2.8 juta. Proses pembuatan bot yang menggunakan teknologi terkini dan canggih adalah hasil usahasama perkongsian kepakaran teknologi daripada sebuah syarikat perkapalan dari Belanda. Malah pada tahun 1998, pihak syarikat telah diberi

kepercayaan untuk membina 5 unit bot mencari dan menyelamat bagi Jabatan Laut Semenanjung Malaysia dan Sarawak yang menelan belanja berjumlah RM 20 juta. Selain daripada itu, projek akan datang pula melibatkan pembinaan 100 unit bot penggempur untuk Angkatan Tentera Malaysia yang bernilai RM 28 ribu sebuah.

Manakala syarikat Permata Sentosa pula melibatkan perniagaan dalam sektor pertanian dan pada masa kini mengusahakan projek tembikai seluas 60 hektar untuk pasaran eksport ke Hong Kong, Taiwan dan Singapura. Jangkaan perolehan hasil bagi projek tersebut adalah berjumlah RM 800,000 setahun yang melibatkan penanaman dua musim. Kedua-dua syarikat tersebut melibatkan pelaburan awal lebih 0.6 juta ringgit iaitu RM400,000 untuk Kay Marine dan RM 200,000 untuk Permata Sentosa. Ketiga-tiga syarikat yang dippunyai oleh En. Wan Mohd Albakri ini mempunyai jumlah pekerja seramai 61 orang kesemuanya iaitu Albakri and Associates seramai 6 orang ; Kay Marine seramai 45 orang dan Permata Sentosa seramai 10 orang.

Selain daripada itu, beliau turut aktif dan memegang jawatan dalam Badan Kerajaan dan Bukan Kerajaan, Badan Profesional dan Parti Politik. Penglibatan beliau di dalam Badan Kerajaan / Syarikat Milik Kerajaan adalah sebagai Ahli Lembaga Pengarah GPQ Sdn. Bhd. - Anak syarikat PMINT (1993 - sekarang) ; Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (1995 - sekarang) dan Ahli Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (1985 - 1995). Malah beliau juga adalah Ahli Majlis Chartered Institute of Management Accountant, Malaysia ; Ahli Bersekutu


Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom) dan Akauntan Berdaftar, Institut Akauntan Malaysia (1998 – sekarang).

Antara jawatan yang beliau pegang dalam Badan Bukan Kerajaan ialah Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Cawangan Terengganu (1992 – sekarang) ; Bendahari Agung, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (1992 – sekarang) ; Ahli Jawatankuasa Kewangan, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia (1992 – sekarang) ; Pemeriksa Kira-Kira, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Terengganu dan Badan Amal Kebajikan Isteri Wakil-Wakil Rakyat Negeri Terengganu (1989 – sekarang) ; Bendahari, Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia, Terengganu dan Ahli Jawatankuasa Majlis Pengakap Negeri Terengganu (1998 – sekarang).

Penyertaan beliau dalam politik pula bermula apabila menyertai UMNO pada tahun 1976. Malah beliau turut terpilih sebagai Ketua Cawangan UMNO Tanjung Kapar, Bahagian Kuala Terengganu (1993 – sekarang) ; Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Terengganu (1982 – 1995) ; Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kuala Terengganu dan Ahli Jawatankuasa Biro Ekonomi Pemuda UMNO Malaysia (1986 – 1989).

En. Wan Mohd Albakri pernah dianugerahkan pingat PJK (Pingat Jaksa Kebaktian) pada tahun 1983.

ALASILAH RINGKAS KETURUNAN ENCIK WAN MOHD ALBAKRI



Nota : Lihat Salasilah D (1) b – Lampiran C



Gambar 6.4 : Premis perniagaan Albakri & Associates Sdn. Bhd.

Manakala kelompok masyarakat Melayu Patani generasi baru juga tidak ketinggalan mempunyai tokoh yang berwibawa dalam perniagaan seperti Encik Mohd. Salim bin Haji Sulong (lihat gambar 6.5).



Gambar 6.5 : Encik Mohd. Salim bin Haji Sulong (Pengurus Restoran Nil, Batu Burok, Kuala Terengganu)

Encik Mohd Salim bin Sulong telah dilahirkan pada 13 Februari 1959 di daerah Ruso (Jabat), Narathiwat, Selatan Thailand. Bandar Jabat merupakan sebuah bandar yang baru berusia 50 tahun. Ia telah diasaskan oleh datuknya iaitu Haji Mahmud. Bapanya pula yang bernama Haji Sulong bin

Haji Mahmud berasal dari Kampung Raja di daerah Jabat, sementara ibunya Asiah binti Salleh berasal dari Kampung Kadok yang juga di dalam daerah yang sama. Arwah bapanya merupakan Imam Besar di Masjid Jabat, Narathiwat.

Beliau mempunyai 10 orang adik beradik daripada seramai 4 orang ibu (bapanya beristeri seramai 4 orang). Adik beradiknya terdiri daripada seramai 3 orang lelaki dan 7 orang perempuan. Beliau merupakan anak lelaki daripada ibu yang keempat (Asiah bt. Salleh).

Encik Salim mula memasuki alam persekolahan peringkat rendah pada tahun 1964 dari Darjah Satu hingga Darjah Tiga di Sekolah Islam Sri Taksin, Jabat. Sekolah swasta tersebut telah diasaskan oleh Haji Ahmad yang juga dikenali sebagai Haji Mat Kaya. Sewaktu berada di Darjah Tiga, bapanya telah meninggal dunia dan ini menyebabkan ekonomi keluarga mula meleset. Oleh sebab itu, beliau terpaksa meneruskan pengajian Darjah 4 hingga Darjah Tujuh di Sekolah Ban Jabat yang merupakan sekolah bantuan penuh kerajaan. Kemudiannya, beliau melanjutkan pengajian peringkat menengah dari Tingkatan 1 hingga 3 di Sekolah Menengah Ban Jabat. Pada tahun 1974, beliau telah memasuki *Commercial School* di Bangkok selama 3 tahun.

Apabila tamat belajar di Bangkok, beliau telah melanjutkan pelajaran di University of Karachi, Pakistan dalam bidang Falsafah pada 1978. Pada ketika itu, abangnya yang baru pulang dari melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir telah menganjurkan kepadanya untuk belajar di

Pakistan. Ianya adalah disebabkan oleh kadar kos hidup di sana lebih murah berbanding dengan tempat yang lain pada masa itu. Malah yuran pengajian juga murah dan yuran asrama sebanyak RM 30 untuk 3 bulan. Manakala bahasa pengantar di universiti tersebut adalah bahasa Inggeris dan Urdu. Sepanjang pengajiannya, beliau dibiayai sepenuhnya oleh pihak keluarga dari Patani. Setelah tamat pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda selama tiga tahun, beliau seterusnya menyambung pelajarannya ke peringkat Sarjana dalam bidang Sains Politik.

Pada waktu tersebut, terdapat lebih kurang 50 orang pelajar Patani yang menuntut di universiti yang sama. Di samping sibuk dengan pembelajarannya, beliau juga terlibat dengan kegiatan persatuan di universiti tersebut. Antara persatuan yang dianggotai olehnya ialah *Karachi Foreign Student Association (KOFSA)* sebagai Bendahari. Beliau juga aktif berperanan di dalam *Thai Student Association* sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan akhirnya dipilih menjadi Presiden pada sesi akhir pengajiannya. Persatuan pelajar ini memainkan peranan membantu kebijakan pelajar Patani seperti usaha memudahkan proses kemasukan pelajar Patani yang baru termasuklah khidmat mendapatkan visa, penginapan asrama, yuran dan sebagainya. Malah *Rumah Patani* juga telah ditubuhkan di universiti tersebut sebagai medan perbincangan dan berkumpulnya pelajar Patani untuk menangani sebarang isu yang berkaitan dan menyelesaikan permasalahan semasa yang wujud.

Setelah menamatkan pengajian pada 1986, beliau terus pulang ke

Patani dan turut membantu abangnya menguruskan restoran Pantai Mesra di Batu Burok. Sepanjang tahun 1986 – 1987, beliau asyik berulang alik antara Patani dan Kuala Terengganu. Kemudiannya, pada tahun 1987 beliau diamanahkan untuk terus mengurus restoran di Batu Burok, Kuala Terengganu bersama dengan kakaknya. Beliau dibayar gaji oleh abangnya untuk mengendalikan sepenuhnya restoran tersebut. Pada tahun inilah nama Restoran Pantai Mesra telah ditukar kepada Restoran Nil yang bermakna keberkatan Ilahi dan juga berdasarkan suasana Lembah Nil yang mempunyai tanah yang subur dan membawa rezeki yang banyak kepada penduduk di sekitarnya.

Pada peringkat awalnya, perniagaan yang diusahakan itu adalah secara kongsi dengan beberapa rakan abangnya yang lain termasuk penduduk tempatan Kuala Terengganu sendiri. Walaubagaimanapun disebabkan oleh beberapa masalah yang timbul, maka perkongsian tersebut kemudiannya melibatkan abangnya dengan tuan tanah restoran sahaja. Boleh dikatakan bahawa abangnya memang bertuah mendapat kepercayaan penduduk tempatan kerana sikap bertanggungjawab dalam perniagaan.

Encik Salim bersama pekerja-pekerja dari Patani telah menginap di rumah yang disewa berdekatan dengan tapak Restoran Nil. Sebanyak 4 buah rumah yang disewa untuk tujuan tersebut dan melibatkan kos sewaan sebanyak RM 1110 sebulan.

Setelah setahun berkecimpung dalam dunia perniagaan restoran atau kedai makan di Kuala Terengganu, akhirnya pada bulan Disember 1988

beliau melangsungkan perkahwinan dengan Puan Dr. Balkis binti Abdul Karim. Perkahwinan ini adalah didasarkan kepada tujuan untuk mempertemu dan mengeratkan lagi tali silaturrahim antara dua keluarga yang rapat sebelum ini. Isterinya juga berasal dari kampung yang sama tetapi dibesarkan di Kelantan. Ustaz Abdul Karim (bapa Puan Balkis) adalah aktivis dan antara pengasas parti BRN (Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani) di Patani. Sebuah pondok yang terkenal di Perda, Patani yang dikenali sebagai *Nahdatul Thuban* juga diasaskan oleh beliau. Malah bapa Ustaz Abdul Karim adalah teman rapat dengan bapa Encik Salim sewaktu di Patani. Namun demikian, faktor tekanan yang hebat daripada junta Thailand di sekitar tahun 1972 – 1973 pada ketika itu menyebabkan Ustaz Abdul Karim berhijrah ke Kota Bharu dan akhirnya ke Kedah. Beliau dianggap sebagai *pemberontak atau pengganas* oleh pihak regim Thai dan telah disenaraihitamkan dari memasuki Thailand.

Hasil perkongsian hidup selama ini, Encik Salim sekeluarga telah dikurniakan dua orang cahaya mata lelaki iaitu Mohd. Syibli (8 tahun) dan Ahwazi (6 tahun). Manakala pada ketika ini isterinya sedang mengikuti pengajian peringkat Sarjana Perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Menurut Encik Salim, perniagaan Restoran Nil yang diusahakan pada peringkat permulaannya melibatkan kos RM 20,000 untuk pengubahsuaian dari sebuah rumah kepada bentuk restoran yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan kerusi dan meja serta bilik sembahyang dan lain-lain. Sumber

perolehan awal untuk kos tersebut diperolehi daripada simpanan sendiri dan juga kemudahan pinjaman daripada bank tempatan. Selain daripada itu, tempat meletak kereta juga disediakan untuk kemudahan pelanggan. Oleh yang demikian, berdasarkan kemudahan yang serba lengkap di restorannya menyebabkan kurangnya saingan daripada restoran yang lain di sekitar Kuala Terengganu.

Pada hari ini, Restoran Nil mempunyai seramai 20 orang tenaga pekerja yang terdiri dari 10 orang rakyat Patani, 5 orang rakyat Terengganu tempatan dan 5 orang rakyat Kelantan. Kesemua rakyat Patani yang diambil bekerja adalah mempunyai pertalian keluarga dengannya kerana faktor ingin membantu ekonomi keluarga. Setiap tukang masak seramai 5 orang dari Patani yang bertugas berdasarkan pengalaman semata-mata itu diagihkan mengikut pengkhususan tertentu. Kesemua pekerja dari Patani dibawa masuk bekerja melalui permit yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen dan dikenakan levi setiap pekerja sebanyak RM 2 sehari. Dalam hal ini, Encik Salim mengambil sikap berhati-hati kerana khuatir sekiranya pekerja mereka mahu berhenti walaupun tidak sampai 6 bulan bekerja yang mendarangkan kerugian kepadanya. Ini adalah kerana beliau mestilah membayar levi bagi setiap pekerja untuk 6 bulan sekaligus. Oleh yang demikian, pada permulaannya beliau tidak akan tergesa-gesa untuk membayar levi dan akan melihat perkembangan pekerja terlebih dahulu sebelum mengambil keputusan selanjutnya. Bertolak dari masalah tersebut, maka beliau akan memastikan bahawa pekerja yang baru perlu memenuhi

syarat bahawa mereka perlu bekerja paling kurang 6 bulan.

Selain daripada itu, dalam usaha memastikan kepuasan pelanggan yang mempunyai citarasa Terengganu, Encik Salim bersama kakaknya senantiasa memberikan perhatian terhadap mutu dan selera yang sesuai dengan masyarakat setempat. Oleh kerana itu, citarasa hidangan yang disediakan ketika ini memenuhi kehendak pelanggan.

Manakala gaji yang dibayar kepada pekerja adalah berdasarkan kepada jenis pengkhususan kerja iaitu tukang masak menerima gaji yang lebih mahal berbanding yang lain iaitu sekitar RM 600 hingga RM 800 seorang.

Sejajar dengan perkembangan dan kemajuan semasa, maka beliau telah membuka sebuah lagi cawangan Restoran Nil di Wakaf Tembesu, Kuala Terengganu. Restoran tersebut dibina di atas tanah seluas 1/3 ekar yang dibeli oleh beliau dengan harga RM 28,000. Para pekerja yang ditugaskan di Wakaf Tembesu adalah kebanyakannya terdiri daripada penduduk tempatan, cuma tukang masak sahaja yang diambil dari Patani. Malah keuntungan bersih sebulan yang diperolehi daripada kedua-dua buah restorannya adalah di sekitar RM 5000.

Namun demikian, keuntungan yang diperolehi adalah bermusim dan bergantung kepada keadaan semasa. Jumlah keuntungan lebih meningkat apabila tiba bulan April dan Mei, tetapi mulai merosot apabila tiba musim tengkujuh (November dan Disember) kerana masalah cuaca dan musim cuti persekolahan.

Walaupun Encik Salim mempunyai tanah seluas 4 ekar di Patani, beliau lebih cenderung untuk berusaha secara kolektif ke arah membangunkan ekonomi keluarga keseluruhannya.

Di samping sibuk dengan perniagaan, kebajikan dan masa depan masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu juga diambil perhatian. Setelah terlibat dengan Persatuan Muhajirin Patani sebagai ahli biasa pada tahun 1995, beliau kemudiannya telah diamanahkan sebagai Yang Dipertua pada tahun 1996 yang lalu. Tanggungjawab yang dipikul bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan, malah memerlukan pengorbanan yang besar dari segi mental, material dan lain-lain. Sekiranya Persatuan Muhajirin Patani boleh diibaratkan sebagai *hidup segan, mati tak mahu* sebelum ini, maka Encik Salim ditugaskan dengan amanah yang berat untuk menghidupkan kembali persatuan tersebut yang menghadapi pelbagai masalah.

Oleh yang demikian, peranan mengubah dan membawa mentaliti masyarakat Melayu Patani agar menyedari kepentingan persatuan untuk memaut kembali kesejagatan Patani di perantauan menjadi agenda utama. Dalam masa yang sama beliau terpaksa menangkis segala tohmahan dan domba buruk yang dilontarkan oleh sebilangan orang Melayu Patani sendiri ke atas persatuan yang didokongi selama ini. Terdapat di kalangan mereka yang menganggap bahawa kewujudan persatuan tersebut tiada langsung memberikan sumbangan kepada perjuangan mendaulatkan Patani.

Oleh kerana itu, Encik Salim dengan bersungguh-sungguh cuba memantapkan pemahaman dan fikiran masyarakat Melayu Patani,

terutamanya di peringkat massa, agar bersama-sama mengukuhkan kedudukan persatuan yang bertindak menaungi hal ehwal kebajikan mereka di Terengganu. Dalam rangka tersebut, pelbagai usaha telah dibuat dan dilaksanakan melalui persatuan termasuklah menuju Tabung Amanah Muhibirin Patani (TAHAP), mengadakan Kelas Iqra' dan Tajwid al-Quran di Losong, menganjurkan Perkhemahan Anak-Anak Muhibirin dan sebagainya.

Sesungguhnya semangat dan azam cintakan Patani masih tersemat utuh di sanubari Encik Salim dengan harapan agar suatu hari nanti akan sampai ketikanya Patani akan mendapatkan haknya kembali sebagai negara yang berdaulat.



Gambar 6.6: Restoran Nil sering mendapat sambutan hangat pengunjung.



Gambar 6.7 : Restoran Nara

6.2.2 Pertukaran Pekerjaan

JADUAL 6(c) : KADAR KEKERAPAN PERTUKARAN PEKERJAAN MASYARAKAT MPGL DAN MPGB DI KUALA TERENGGANU 1997

Kekerapan Pertukaran Pekerjaan	Masyarakat Melayu Patani Generasi Lama		Persatuan Muhajirin Patani (Baru)		Jumlah Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tidak Pernah	53	58.9	11	36.7	64	53.3
1 Tahap	24	26.7	8	26.7	32	26.7
2 Tahap	8	8.9	6	20.0	14	11.7
3 Tahap	5	5.5	3	10.0	8	6.7
> 4 Tahap	-	-	2	6.6	2	1.6
Jumlah	90	100.0	30	100.0	120	100.0

Petunjuk: Bil – Bilangan; > - lebih daripada

Sumber : Borang Kaji Selidik

Berdasarkan jadual 6(c) di atas, didapati bahawa majoriti masyarakat Melayu Patani daripada kedua-dua kumpulan tersebut tidak pernah bertukar pekerjaan iaitu sebanyak 64 orang atau 53.3 % di mana 53 orang (58.9 %) adalah daripada masyarakat MPGL dan 11 orang (36.7 %) pula daripada masyarakat MPGB. Manakala keseluruhan unjuran kekerapan pertukaran satu tahap pula adalah sebanyak 26.7 % iaitu seramai 32 orang yang merangkumi 24 orang MPGL dan 8 orang MPGB. Kebanyakan masyarakat MPGL yang tidak pernah mengalami pertukaran pekerjaan adalah terdiri daripada mereka yang bekerja di sektor awam (kerajaan pusat dan negeri) dan sedikit di peringkat sektor swasta. Para responden yang terlibat berpandangan bahawa kerja dengan sektor awam merupakan jaminan kepada masa depan mereka.

Ini adalah kerana penglibatan dalam sektor awam tersebut hanya mempunyai risiko pembuangan kerja yang paling minimum bagi mereka. Malah hal ini turut disokong oleh tradisi pemikiran masyarakat sendiri yang melihat bahawa kerja dengan pihak kerajaan adalah ibarat sesuatu yang perlu dan wajar. Oleh kerana itu, mereka tidak terlalu memikirkan untuk mencari peluang pekerjaan yang lain terutama bekerja sendiri yang memerlukan modal dan risiko yang tinggi. Sekiranya ada yang bertukar pekerjaan pun, mereka hanya berpindah tempat atau jawatan yang lebih tinggi dalam sektor awam tersebut. Peningkatan ganjaran gaji yang lebih baik merupakan faktor utama dalam menentukan peluang pekerjaan yang diambil di samping faktor kesesuaian dan keserasian dengan bidang pengajian atau kelulusan mereka.

Namun pada suatu ketika dahulu, masyarakat Melayu Terengganu yang berketurunan Wan, terutama dari kawasan Bukit Bayas, Losong dan Pulau Duyong, seringkali diberi keutamaan untuk bekerja dengan kerajaan negeri Terengganu. Ini adalah kerana hubungan yang amat rapat institusi istana dengan kelompok keturunan Wan ini menjadi satu ikatan yang padu.¹⁰

Selain daripada itu, terdapat juga bentuk perniagaan keluarga (*family business*). Corak penglibatan seumpama ini begitu ketara bagi mereka yang bekerja sendiri dalam perniagaan keluarga seperti syarikat kontraktor, perusahaan batik dan lain-lain.

Walaubagaimanapun, terdapat 2 orang iaitu 6.6 % daripada masyarakat MPGB mengalami pertukaran pekerjaan melebihi empat tahap

¹⁰ Temuramah bersama Tuan Haji Wan Abdullah bin Wan Muda di Losong Haji Long, Kuala Terengganu pada 23 Julai 1997.

iaitu sampai ke peringkat tujuh tahap. Fenomena pertukaran pekerjaan yang begitu kerap ini hanya melibatkan masyarakat MPGB sahaja kerana proses penyesuaian dan kestabilan ekonomi di tempat tinggal yang baru.

Berkemungkinan proses perpindahan tersebut akan terus berlangsung sehingga mereka mencapai suatu tahap di mana penyesuaian dari segi keperluan sosial dan ekonomi dapat dipenuhi.

6.2.3 Kadar Pendapatan Bulanan

**JADUAL 6(d) : KADAR PENDAPATAN BULANAN MASYARAKAT
MELAYU PATANI DI KUALA TERENGGANU**

Kadar Pendapatan (RM)	Masyarakat Melayu Patani Generasi Lama		Persatuan Muhibah Patani (Baru)		Jumlah Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1. < 200	-	-	-	-	-	-
2. 201 - 400	5	5.5	1	3.3	6	5.0
3. 401 - 600	9	10.0	4	13.3	13	10.8
4. 601 - 800	14	15.6	4	13.3	18	15.0
5. 801 - 1000	18	20.0	10	33.3	28	23.3
6. > 1000	44	48.9	11	36.7	55	45.9
Jumlah	90	100.0	30	100.0	120	100.0

Petunjuk: Bil – Bilangan; < - kurang daripada; > - lebih daripada.

Sumber : Borang Kaji Selidik

Pada keseluruhannya, majoriti kedua-dua kelompok masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu tersebut terdiri dari kategori berpendapatan lebih dari RM 1000 sebulan iaitu berjumlah 55 orang (45.9 %). Jumlah tersebut adalah merangkumi 44 orang atau 48.9 % dari MPGL (%). Jumlah tersebut adalah pentadbir (kerajaan dan swasta), guru (kelulusan universiti), akauntan, peniaga batik, kontraktor dan pekerja profesional yang lain. Sementara kelompok MPGB pula merangkumi pekerjaan sebagai guru dan pensyarah KUSZA serta peniaga restoran.

Manakala pada peringkat pendapatan RM 801 hingga 1000 pula menyaksikan MPGL berjumlah 18 orang (20.0 %) dan MPGB pula berjumlah 10 orang (33.3 %). Jenis pekerjaan dalam kategori ini adalah seperti guru biasa atau guru agama kelulusan maktab dan peniaga.

Sementara itu, kelompok yang berpendapatan antara RM 601 hingga 800 pula terdiri daripada kerani dan guru al-Quran dan lain-lain jawatan peringkat rendah. Namun bagi MPGB pula kebanyakannya adalah peniaga kecil-kecilan seperti di pasar malam, pasar pagi dan pasar tani. Dalam hal tersebut, pengkaji juga menghadapi kesukaran untuk menganggarkan angka pendapatan yang tepat disebabkan masyarakat MPGB ini tidak begitu mengambil berat berkenaan urusan kewangan, sementelah perolehan pendapatan tidak tetap setiap bulan.

6.2.4 Jumlah Pemilikan Tanah

**JADUAL 6(e) : JUMLAH PEMILIKAN TANAH MASYARAKAT
MELAYU PATANI DI KUALA TERENGGANU**

Lokasi Tanah	Melayu Patani Generasi Baru				Melayu Patani Generasi Lama				Jumlah Keseluruhan			
	Bil	%	Luas (hektar)	Purata	Bil	%	Luas (hektar)	Purata	Bil	%	Luas (hektar)	Purata
Di KT	-	-	-		75	83.3	92	1.23	75	62.5	92	1.2
Di Patani	18	60.0	36	2.0	-	-	-	-	18	15.0	36	2.0
Di KT dan Patani	4	13.3	20.8	5.2	-	-	-	-	4	3.3	20.8	5.2
Tiada	8	26.7	-	-	15	16.7	-	-	23	19.2	-	-
Jumlah	30	100.0	56.8	1.89	90	100.0	92	1.23	120	100.0	148.8	1.24

Petunjuk: Bil – Bilangan

Sumber: Borang Kaji Selidik

Kadar pemilikan tanah oleh masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu mempunyai pola perbezaan yang agak ketara. Jumlah keseluruhan pemilikan tanah pada kesemua responden adalah seluas 148.8 hektar. Namun begitu, pola yang berbeza tersebut menunjukkan bahawa masyarakat MPGB tergolong dalam tiga kategori iaitu mempunyai tanah di Patani, di Kuala Terengganu dan Patani serta tidak mempunyai tanah. Manakala MPGL pula hanya tergolong dalam dua kategori sahaja iaitu mempunyai tanah di Kuala Terengganu dan tidak mempunyai tanah. Pemilikan tanah di luar Kuala Terengganu tidak dimasukkan dalam kajian ini.

MPGB memperlihatkan hak milik tanah yang paling banyak didapati di Patani sendiri iaitu 36 hektar (60.0 %) berbanding 20.8 hektar (13.3 %) yang didapati di Kuala Terengganu dan Patani , sedangkan seramai 8 orang (26.7 %) pula tidak mempunyai tanah. Kebanyakan tanah masyarakat MPGB yang terdapat di Patani adalah terdiri daripada tanah kebun, dusun seperti durian dan rambutan serta pertanian seperti padi dan seumpamanya. Malah purata hak milik tanah di Patani adalah sebanyak 2 hektar setiap orang. Purata hak milik tanah di Kuala Terengganu dan Patani pula mencecah 5.2 hektar seorang.

Jumlah keseluruhan tanah yang dipunyai oleh MPGL pula adalah sebanyak 92 hektar (83.3 %) di Terengganu. Manakala purata keluasan tanah adalah 1.2 hektar seorang. Walaupun demikian, terdapat 15 orang (16.7 %) MPGL yang tidak mempunyai tanah. Kebanyakan mereka tinggal dan membina rumah di atas tanah pusaka atau hak milik bapa mereka sendiri. Purata umur responden yang tergolong dalam kumpulan ini ialah antara 25 hingga 34 tahun.

Manakala purata keluasan tanah setiap responden pula masing-masing 1.2 hektar seorang di Kuala Terengganu ; 2.0 hektar seorang di Patani ; 5.2 hektar seorang di Kuala Terengganu dan Patani. Di samping itu, seramai 23 orang (19.2 %) yang tidak mempunyai tanah. Malah purata keseluruhan keluasan tersebut adalah 1.24 hektar seorang.

6.2.5 Jenis Penggunaan Tanah dan Harta

JADUAL 6(f) : JENIS-JENIS PENGGUNAAN TANAH DAN HARTA MASYARAKAT MELAYU PATANI DI KUALA TERENGGANU DAN PATANI.

Jenis Kegunaan	Masyarakat MPGB							Masyarakat MPGL					Jum. Kes.			
	Pat	%	K T	Pat & KT		%	■	%	Pat	KT	%	Pat & KT		Jum	■	%
				Pat	K T							Pat	K T			
Kediaman	8.8	24.4		2.8	13.5	11.6	20.4		45.2	49.1				45.2	56.8	38.2
Sewa				0.8	3.8	0.8	1.4		7.2	7.8				7.2	8	5.4
Perniagaan				3.2	15.4	3.2	5.6		8.4	9.1				8.2	11.6	7.8
Tanaman	27.2	75.6	14		67.3	41.2	72.6		31.2	34.0				31.2	72.4	48.6
Jumlah	90.0	100.0		20.8	100.0	56.8	100.0		92.0	100.0				92.0	148.8	100.0

- Unit keluasan tanah adalah dalam ukuran metrik *hektar*.
- Pat – Patani; KT – Kuala Terengganu; Jum - Jumlah

Sumber : Borang Kaji Selidik

Terdapat 4 jenis kegunaan utama terhadap tanah iaitu untuk tujuan kediaman, sewa, perniagaan dan tanaman. Kegunaan tanah untuk tanaman mengatasi yang lain dengan 72.4 hektar (48.6 %) berbanding 56.8 hektar (38.2 %) untuk kediaman dan masing-masing 8 hektar (5.4 %) untuk sewaan serta 11.6 hektar (7.8 %) untuk perniagaan.

Kegunaan tanah untuk tanaman ini adalah merangkumi dusun buah-buahan seperti durian dan rambutan; sawah padi dan penternakan. Masyarakat MPGB nampaknya lebih ketara dari segi penggunaan tanah untuk

tanaman yang meliputi 27.2 hektar (75.6 %) di Patani. Kelompok MPGB ini sebenarnya mempunyai tanah yang luas di Patani sendiri walaupun kehidupan mereka agak sederhana di Kuala Terengganu. Tanah kepunyaan mereka di Patani akan dijaga oleh ahli keluarga. Mereka akan pulang setiap tahun untuk mengikuti perkembangan dan bertemu sesama keluarga. Sikap yang paling membanggakan ialah mereka sanggup mempertahankan hak milik tanah di Patani dengan tidak mahu menjualnya. Tanah ibarat bekal dan harta yang bermakna untuk keluarga dan generasi mereka akan datang. Oleh kerana itu, mereka datang berhijrah ke Terengganu ini semata-mata untuk mencuba penghidupan baru dan mengumpulkan harta serta tanah di perantauan pula. Dengan demikian, adalah jelas bahawa pemilikan tanah MPGB di Kuala Terengganu masih lagi terhad kepada peringkat generasi awal.

Hal ini berbeza dengan kelompok masyarakat MPGL yang didapati kebanyakan tanah adalah untuk kediaman iaitu 45.2 hektar (49.1 %). Pola penggunaan tanah untuk kediaman ini adalah jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa sebab iaitu pembahagian faraid pusaka dan pembelian tanah yang baru. Selain daripada itu, tanah kediaman ini juga ada yang diwakafkan sebagai tanah perkuburan seperti kawasan perkuburan keturunan Haji Wan Abdul Latif di Losong Haji Long. Manakala tanah untuk tanaman pula sejumlah 31.2 hektar (34.0 %) dan kebanyakannya dusun buah-buahan dan sawah padi. Namun kelompok generasi MPGL ini keseluruhannya bekerja dalam sektor yang lain walaupun mereka mempunyai tanah dusun dan sebagainya. Terdapat sebilangan dusun dan sawah yang ada dibuat

sistem kongsi atau pawah dengan individu yang lain (Tuan tanah hanya sama ada akan menyewakan tanah mereka atau membahagikan untung dari hasil yang diperolehi).

6.2.6 Jenis Penginapan

JADUAL 6(g) : JENIS PENGINAPAN MASYARAKAT MELAYU PATANI DI KUALA TERENGGANU

Jenis	Masyarakat MPGB		Masyarakat MPGL		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kediaman	7	23.3	70	77.8	77	64.2
Sewa	20	66.7	8	8.9	28	23.3
Rumah Kedai	3	10.0	12	13.3	15	12.5
Kongsi	-	-	-	-	-	-
Jumlah	30	100.0	90	100.0	120	100.0

Sumber : Borang Kaji Selidik

Petunjuk : Bil – Bilangan Responden; MPGB – Masyarakat Melayu Patani Generasi Baru; MPGL – Masyarakat Melayu Patani Generasi Lama.

Pada keseluruhannya, jenis penginapan yang paling dominan adalah dalam bentuk kediaman sendiri iaitu melibatkan 77 orang (64.2 %) berbanding dengan kelompok yang menyewa rumah pula sebanyak 28 orang (23.3 %), manakala kelompok yang tinggal di rumah kedai ialah 15 orang (12.5 %).

Walaupun demikian, perbezaan pola yang jelas kelihatan antara kedua-dua kelompok masyarakat tersebut bilamana masyarakat MPGB kebanyakannya menetap di rumah sewa sebanyak 20 orang (66.7 %) berbanding hanya 7 orang (23.3 %) sahaja yang tinggal di rumah kediaman

sendiri. Penginapan yang begitu ketara dalam bentuk rumah sewa ini adalah meliputi kelompok yang baru. Terdapat juga sebilangan yang telah lama tinggal di Kuala Terengganu namun masih menyewa. Antara faktor selain kewangan ialah wujudnya sikap cintakan tanah air yang mendalam. Oleh kerana itu, tidak hairan sekiranya mereka menyewa untuk tinggal buat sementara waktu di sini sehingga tiba masanya pulang dan menetap di Patani.

Sementara itu, masyarakat MPGL pula lebih ramai tinggal di rumah kediaman sendiri iaitu berjumlah 70 orang (77.8 %) sedangkan hanya 8 orang (8.9 %) tinggal di rumah sewa. Manakala seramai 12 orang (13.3 %) tinggal di rumah kedai.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pola penginapan tersebut, termasuklah tempoh bermastautin, penghijrahan dan ekonomi. Masyarakat MPGB kebanyakannya adalah penghijrah dari luar yang baru bermastautin di Kuala Terengganu, malah bukan semua daripada mereka menjadi pemastautin yang lama. Berkemungkinan terdapat sebilangan daripada kalangan penghijrah baru ini yang akan berpindah pula sama ada di kawasan yang sama atau di luar Terengganu.

6.3 Kesimpulan

Masyarakat Melayu Patani sememangnya amat terkenal mendominasi ekonomi kelautan khususnya sebagai pelaut dan pedagang tekstil, garam serta ternakan. Malah penonjolan Pulau Duyong sebagai tempat utama pembinaan bot dan kapal besar turut menyerlahkan peranan penting dan kemahiran yang

tinggi yang dimiliki oleh masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu hingga ke hari ini. Wujudnya tokoh ulama yang juga pedagang menunjukkan unsur dan nilai kehidupan beragama menunjang dunia perniagaan yang diceburi seperti Haji Wan Endut (Kampung Hiliran). Manakala corak dan pola pekerjaan masyarakat Melayu Patani generasi lama agak menyeluruh.

Sementara itu, kebanyakan masyarakat Melayu Patani generasi baru juga terlibat dalam perniagaan selain bekerja sebagai pensyarah dan lain-lain. Namun faktor masa dan proses asimilasi menentukan kejayaan kehidupan mereka pada masa akan datang.